

BAB 9 Petempatan di Malaysia

Panduan RPH					
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
3.2 Petempatan di Malaysia		3.2.1 Membincangkan jenis petempatan yang terdapat di Malaysia		Buku Teks m.s 98-99 Soalan 1 Soalan 2 Soalan 3 Soalan 4 TP1 TP2 TP3 TP4 TP5	78-79
BBM		PAK-21		KBAT	
Buku teks, foto petempatan bandar dan luar bandar di Malaysia		Think-Pair-Share		Menganalisis	
EMK		i-THINK		Nilai Murni	
Patriotisme, kelestarian global		–		Bertanggungjawab, kasih sayang	
Cadangan PdPc					
1. Guru menerangkan kepada murid tentang jenis petempatan di Malaysia. 2. Guru berbincang dengan murid tentang ciri-ciri petempatan bandar dan petempatan luar bandar. 3. Murid menjawab soalan 1, soalan 2 dan soalan 3 dalam buku Power Up Geografi halaman 78 dan 79. 4. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 5. Guru mengemukakan soalan tentang petempatan bandar dan petempatan luar bandar di Malaysia. 6. Setiap ahli kumpulan diberikan masa untuk berfikir, kemudian membincangkannya dengan ahli kumpulan yang lain secara berpasangan. 7. Semua ahli kumpulan berkongsi jawapan dengan kumpulan lain. 8. Murid menjalankan aktiviti (soalan 4) dalam buku Power Up halaman 79.					
Panduan RPH					
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
3.2 Petempatan di Malaysia		3.2.2 Menjelaskan dengan contoh empat pola petempatan di Malaysia		Buku Teks m.s 100-101 Soalan 5 Soalan 6 Soalan 7 Soalan 8 TP1 TP3 TP4 TP5	80-81
BBM		PAK-21		KBAT	
Buku teks, rajah pola petempatan		Gallery Walk		Menganalisis	
EMK		i-THINK		Nilai Murni	
Kelestarian global, kreativiti		–		Bekerjasama, toleransi	
Cadangan PdPc					
1. Guru melukis rajah empat jenis pola petempatan. 2. Guru menerangkan ciri-ciri empat pola petempatan tersebut dan memberikan contoh petempatan di Malaysia. 3. Murid melukis rajah empat pola petempatan di dalam buku nota dan menulis ciri-cirinya. 4. Murid menjawab soalan 5, soalan 6 dan soalan 7 dalam buku Power Up Geografi halaman 80 dan 81. 5. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 6. Murid secara berkumpulan diberikan tugas bertajuk “Pola Petempatan di Malaysia”. 7. Murid menyediakan tugas mereka dalam pelbagai bentuk seperti brosur, peta i-THINK, infografik dan sebagainya. 8. Murid menampal hasil kerja yang telah siap di dinding untuk dilihat oleh kumpulan lain. 9. Murid daripada kumpulan lain memberikan komen tentang hasil kerja kumpulan yang lain pada sticky note dan menampal pada hasil kerja tersebut. 10. Murid juga menjawab soalan 8 dalam buku Power Up Geografi halaman 81.					

Panduan RPH					
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	
3.2 Petempatan di Malaysia		3.2.3 Membezakan fungsi petempatan bandar dan luar bandar di Malaysia		82-83	
		Buku Teks m.s 102-104			
Soalan 9		TP4			
Soalan 10		TP5			
Soalan 11		TP6			
BBM		PAK-21		KBAT	
Buku teks, foto petempatan bandar dan luar bandar di Malaysia		Round Table		Menganalisis, menilai	
EMK		i-THINK		Nilai Murni	
Kelestarian global		Peta pokok		Bekerjasama, toleransi	
Cadangan PdPc					
1. Guru berbincang bersama murid tentang fungsi petempatan bandar dan petempatan luar bandar di Malaysia. 2. Berdasarkan contoh lokasi petempatan di Malaysia, guru menerangkan kepada murid tentang perbezaan fungsi antara petempatan bandar dengan petempatan luar bandar.					
 					
Petempatan bandar Petempatan luar bandar					
3. Murid dibahagikan kepada empat orang dalam satu kumpulan. 4. Secara berkumpulan, murid bergilir-gilir menerangkan fungsi petempatan bandar dengan contoh lokasi di Malaysia di atas kertas sebak yang sama dan menggunakan pen yang sama. 5. Kemudian, secara bergilir-gilir murid menerangkan fungsi petempatan luar bandar di Malaysia di atas kertas yang sama. 6. Murid juga menjawab soalan 9 dalam buku Power Up Geografi halaman 82. 7. Murid menjalankan aktiviti (soalan 10 dan soalan 11) dalam buku Power Up Geografi halaman 83.					